*Maker for Fish Storage Container using Rechargeable Concept (ILP Kepala Batas) managed to bring home one gold and one bronze respectively. This is a recognition for Malaysia's technical and vocational instructors on the world stage for their innovative inventions and also an honour to the ministry upholding TVET Malaysia internationally.*

# CIPTA 2017

Pertandingan CIPTA adalah bertujuan untuk menggalakkan dan membangunkan budaya merekacipta yang sewajarnya dipanggil Kreatif, Produk Inovatif dan Kemajuan Teknologi. Pertandingan CIPTA yang pertama telah diadakan pada tahun 2005 di Brunei Darussalam dan Universiti Teknologi Brunei (UTB), ataupun dahulunya dikenali sebagai Institut Teknologi Brunei (ITB), merupakan perintis dan penganjur bagi pertandingan ini. Pertandingan ini merangkumi semua bidang Sains, Teknologi dan Kejuruteraan. Pertandingan ini terbuka kepada semua sekolah, institusi pendidikan teknikal, sektor kerajaan dan organisasi swasta dan masyarakat umum.

Pertandingan ini dianjurkan dengan penganugerahan Putera Mahkota dan Menteri Kanan di Pejabat Perdana Menteri, Duli Yang Maha Mulia Putera (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan izin Yang Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, pertandingan tersebut membawa Anugerah Kreatif, Produk Inovatif dan Kemajuan Teknologi (CIPTA) yang berprestij untuk juara keseluruhan pertandingan.

ILP Miri mewakili JTM telah mengambil inisiatif untuk menyertai pertandingan CIPTA 2017 ini dan telah berjaya memenangi anugerah dan pencapaian seperti di bawah:-

*The aim of the CIPTA competition is to encourage and to develop a culture for inventing and innovating in Brunei Darussalam. The competition is appropriately called the Creative, Innovative Product and Technological Advancement competition or CIPTA competition. The first CIPTA competition was held in 2005 and Universiti Teknologi Brunei (UTB), formerly known as Institut Teknologi Brunei (ITB), is the pioneer and organiser of the competition. The competition covers all areas of Science, Technology and Engineering. It is open to all schools, technical and tertiary academic institutions, government and private organisations, and the general public. The competition is graced with the patronage of the Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office, His Royal Highness Prince (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah Ibni His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah with the consent of His Majesty the Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam.*

*The competition therefore carries the prestigious Crown Prince's Creative, Innovative Product and Technological Advancement (CIPTA) Award for the overall winner of the competition.*

*ILP Miri have taken initiative and represented JTM to participate CIPTA Competition 2017 and successfully won several awards as follows:-*

## 1. New Invention & Innovation Category

**Best Invention & Innovator - B\$ 6 000.00 cash,  
a trophy and a certificate**

## 2. Young Inventor Category

**Best Young Inventor - B\$ 3 000.00 cash,  
a trophy and a certificate**

DYTM dengan sukacitanya  
menganugerahkan replika  
kepada pemenang Kategori  
ASEAN untuk projek  
Welder ARM V1.0.





## PERTANDINGAN KREATIVITI DAN INOVASI PERINGKAT KEBANGSAAN NATIONAL CREATIVITY AND INNOVATION COMPETITION

### ANUGERAH INOVASI NEGARA - YAYASAN INOVASI MALAYSIA

Pencapaian tertinggi diperolehi apabila projek Blind Assist Kit (BLINK) terpilih sebagai finalis kategori Akar Umbi bagi Anugerah Inovasi Negara. Anugerah yang mengiktiraf pereka-pereka tempatan itu telah diadakan di Technology Park Malaysia (TPM) pada 14-16 Oktober 2017 menyaksikan ADTEC Kemaman berkemampuan dalam bidang rekacipta dan inovasi yang memberi impak positif kepada negara. Menerusi Projek Blind Assist Kit, ianya telah membuka mata banyak pihak mengenai inovasi yang bersifat mesra OKU ini.

*The highest achievement was accomplished when the Blind Assist Kit (BLINK) project was qualified to the final in Grassroots category at National Innovation Award which was held at Technology Park Malaysia (TPM) on 14-16 October 2017. ADTEC Kemaman has proven the capability to innovate in which the project invented contributing a positive impact to the country. For instance, the Blind Assist Kit (BLINK) has promoted awareness to the public concerning innovation that are PWD (Persons with Disabilities) friendly.*



Pengajar ADTEC Kemaman Sebagai finalis kategori Akar Umbi di AIN 2017

### CONFERENCE ON CREATIVITY AND INNOVATION IN TVET (CCITVET) 2017

Conference on Creativity and Innovation in TVET (CCITVET) 2017 dilaksanakan bagi berkongsi idea kreatif yang menjadi pencetus kepada projek-projek inovasi yang memberi manfaat kepada Negara secara keseluruhannya. Pemilihan tema 'Idea Kreatif, Pencetus Inovasi' atau Promoting Innovation Through Creative Ideas menumpukan kepada perkongsian idea kreatif dalam pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang bakal menyediakan satu platform kepada para penyelidik dan perekacipta untuk meneroka dan mencetus segala bentuk penemuan inovasi yang baru dalam bidang teknologi dan kejuruteraan sekaligus memungkinkan untuk bergerak lebih jauh ke hadapan. CCITVET telah berlangsung pada 2 November 2017 di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping yang dirasmikan oleh Ketua Pengarah JTM, YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar dimana sebanyak 29 kertas persidangan telah dibentangkan. JTM mendapat kerjasama daripada panel penilai kertas persidangan yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan pensyarah ILJTM yang berkualifer dalam menyemak dan mengulas kertas penuh penyelidikan inovasi mengikut bidang kepakaran masing-masing.

*CCITVET 2017 was organised to share innovative and creative ideas that produce inventions which benefit the nation as a whole. The theme "Promoting Innovation Through Creative Ideas" focuses on sharing of creative ideas on knowledge, skills and experiences that will provide a platform for researchers and innovators to explore and inspire all new innovation discoveries in technology and engineering consequently moving forward. CCITVET was held on 2 November 2017 at ADTEC Taiping where 29 conference papers were presented and officiated by Director General of JTM, YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar. JTM has also been collaborating with the reviewer panel from Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) and ILJTM who are caliber in reviewing full paper of innovation research according to their respective fields of expertise.*



Conference on Creativity and Innovation in TVET (CCITVET) 2017 telah diadakan di ADTEC Taiping pada 3.11.2017. Perasmian majlis telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia, Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar.



# PERTANDINGAN ROBOT PERINGKAT ANTARABANGSA

## NATIONAL ROBOT COMPETITION

Selaras dengan perkembangan semasa yang bergerak ke arah Industry Revolution (I.R) 4.0, Jawatankuasa Robot & Automasi JTM telah menjalankan beberapa aktiviti robotik sepanjang tahun 2017. Dua (2) pertandingan peringkat kebangsaan yang telah dianjurkan adalah National Robot Challenge (NRC) 2017 dan TVET Malaysia Robot Competition.

*In line with the Industry Revolution (IR) 4.0, JTM Robotics & Automation Committee has carried out a number of activities throughout the year of 2017. Two (2) national level competitions were organised which are National Robot Challenge (NRC) 2017 and TVET Malaysia Robot Competition.*



Barisan Jawatankuasa Robot & Automasi 2017



Johan bagi Roborumblez (ADTEC Melaka), Sumo Robot (ILP Bukit Katil) & Robot Bumi Hijau (ILP Mersing) National Robot Challenge (NRC) 2017

## National Robot Challenge (NRC) 2017

NRC 2017 telah diadakan di Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST) pada 12 hingga 14 Ogos sempena Karnival SkillsMalaysia Wilayah Tengah. Sebanyak 3 kategori pertandingan dijalankan iaitu Roborumblez, Sumo Robot dan Robot Bumi Hijau. Pertandingan ini disertai oleh 80 pasukan daripada Institusi Latihan seperti ILP, ADTEC, JMTI, MJII, IKTBN, KKTM, IKM, Politeknik, syarikat-syarikat berkaitan robotik dan juga persatuan-persatuan robotik seluruh Negara. ADTEC Melaka muncul sebagai Johan bagi Kategori Roborumblez, ILP Bukit Katil bagi Kategori Sumo Robot dan ILP Mersing bagi Kategori Robot Bumi Hijau.

*NRC 2017 was held at the Center for Instructor and Advance Skills Training Center (CIAST) on 12 to 14 August in conjunction with the Central Region SkillsMalaysia Carnival. There are 3 categories of competitions, namely Roborumblez, Sumo Robot and Green Earth Robot. The competition was attended by 80 teams from the Training Institute such as ILP, ADTEC, JMTI, MJII, IKTBN, KKTM, IKM, Polytechnics, robotics related companies as well as robotic nationals throughout the country. ADTEC Melaka emerged as a Johor for Roborumblez Category, ILP Bukit Katil for the Sumo Robot Category and ILP Mersing for the Green Earth Robot Category.*

## TVET Malaysia Robot Competition

TVET Malaysia Robot Competition telah diadakan di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam pada 24 hingga 27 September 2017 sempena Pelancaran TVET Malaysia oleh Y.A.B Perdana Menteri. Pertandingan ini melibatkan 2 kategori pertandingan iaitu Roborumblez dan Sumo Robot. Pertandingan disertai oleh 30 pasukan seluruh Malaysia dan juga 6 pasukan dari Indonesia. ILP Perai mempersembahkan pasukan robot yang mantap dengan muncul sebagai Johan bagi Kategori Rumblez manakala ILP Pasir Gudang muncul sebagai Johan bagi Kategori Sumo Robot.

*TVET Malaysia Robot Competition was held at ADTEC Shah Alam on 24 to 27 September 2017 in conjunction with the launch of TVET Malaysia by Y.A.B Prime Minister. The competition involved two categories which are Roborumblez and Sumo Robot. A total of 30 teams from all over Malaysia and 6 groups from Indonesia participated in the competition. ILP Perai presented a great team and became champion for the Rumblez category while ILP Pasir Gudang won the Sumo Robot category.*

## Pertandingan Robot Anjuran Agensi Lain

*Robot Competition Organized by Another Agency*

Pasukan ADTEC Melaka telah mencatat kejayaan yang cemerlang sebagai Juara bagi Kategori Combat Robot atau lebih dikenali Fighting Robot. ADTEC Melaka telah muncul sebagai Juara sebanyak 5 kali bagi kategori ini sepanjang 2017 iaitu Johan bagi Robot Tempur Pantai Kelanang 2017, Johan Combot Robot Tournament, Johan Roborumblez National Robot Challenge, Johan Malaysia Combat Robot dan menutup tirai 2017 dengan menjadi Johan MJII Robofighto 2017.

ADTEC Melaka team has shown an outstanding achievement by winning Combat Robot category or known as Fighting Robot. ADTEC Melaka has won 5 champions for this category along 2017 which were Champion of Combot Robot Tournament, Champion of Roborumblez National Robot Challenge, Champion of Malaysia Combat Robot Challenge, Champion of Roborumblez National Robot Challenge, Champion of Roborumblez National Robot Challenge and last but not least Champion of MJII Robofighto 2017.



ADTEC Melaka "Jaguh" Combat Robot Kebangsaan sepanjang 2017

ILP Perai muncul sebagai Johan War Robot Competition 2017



Pasukan Robot ILP Perai juga tidak kurang hebatnya dengan mengungguli beberapa kejohanan walaupun 2017 adalah tahun pertama penglibatan pasukan ini dalam pertandingan robot. Pasukan ILP Perai telah dinobatkan sebagai Johan Roborumblez TVET Malaysia Robot Competition, Johan War Robot Competition dan Naib Johan Roborumblez National Robot Challenge.

*Despite being a first timer in the robot competitions, ILP Perai team has shown an impressive achievement by conquering three series of the competitions which were Champion of Roborumblez TVET Malaysia, Champion of War Robot Competition and Runner Up of Roborumblez National Robot Challenge*



# KAJIAN & PENYELIDIKAN

RESEARCH & STUDY

## KAJIAN PENGESANAN GRADUAN ILJTM TAHUN 2017

ILJTM TRACER STUDY YEAR 2017

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah bagi mengesan pelajar lepasan ILJTM dan seterusnya mengukur tahap keberkesanan keluaran yang dikeluarkan oleh ILJTM iaitu sama ada bekerja, melanjutkan pengajian, masih aktif mencari pekerjaan atau pernah menerima tawaran bekerja. Kajian ini juga dilakukan untuk melihat dan menilai sejauh mana keberkesanan kursus-kursus yang dijalankan di ILJTM. Seramai 10,142 responden daripada 11,516 graduan 2017 telah mengisi kaji selidik pada tahun 2017 dengan memberi kadar respons sebanyak 88.07%. Hasil daripada kajian ini dijangka dapat dijadikan input bagi perancangan kursus-kursus baru atau penambahbaikan terhadap kursus-kursus sedia ada di ILJTM. Ringkasan penemuan daripada kajian ini adalah seperti berikut:

*The online graduate tracer study (eTOS) has been implemented with purpose to measure ILJTM's graduate employability by identifying their employment status. In 2017, a total of 10,142 respondents out of 11,516 graduates (88.07%) had been responded to this survey. Findings from the survey is important since it will be used as an input for new courses development or improvement of existing courses in ILJTM.*



- ◆ BEKERJA
- ◆ MENYAMBUNG PELAJARAN
- ◆ SEDANG MENCARI PERKERJAAN
- ◆ PERNAH MENERIMA TAWARAN

Carta 6: Kajian Pengesanan Graduan ILJTM Tahun 2017

JTM berjaya mencatat peratus kebolehkerjaan (kerja, menyambung pelajaran & pernah menerima tawaran) pada tahun 2017 sebanyak

**91.33%**

*Employability*




# KAJIAN LATIHAN INDUSTRI

## STUDY ON INDUSTRIAL TRAINING

Kajian Penilaian Latihan Industri (LI) dijalankan bagi mengenalpasti tahap kepuasan majikan terhadap pelajar ILJTM yang menjalani Latihan Industri di permys mereka. Bagi kajian tahun 2017, 32 ILJTM telah memberikan respon terhadap Borang BK-T11-03 (Borang ISO) yang diajukan kepada majikan semasa sesi lawatan dibuat oleh pengajar ILJTM. Daripada data diterima, keputusan keseluruhan maklumbalas adalah seperti berikut:

*The aim of assessing student's industrial training is to get feedback on employers' satisfaction level towards ILJTM student who did on job training at their premises. Based on the responses collected through BK-T11-03 form (ISO form), the summary of the feedback on employers' satisfaction level are as shown in the chart below.*



Carta 7: Peratus Kajian Penilaian Latihan Industri 2017

Secara keseluruhan, pelajar-pelajar ILJTM yang menjalani latihan industri mencapai tahap penilaian 88.2% (tahap cemerlang dan baik) yang mana berdasarkan daripada analisa yang telah dibuat ini menunjukkan pelajar ILJTM mempunyai peluang yang cerah untuk diterima oleh majikan apabila mencari pekerjaan kelak. Secara keseluruhan, seramai 2,422 orang pelajar ILJTM memberikan kerjasama yang baik dengan pihak majikan berdasarkan prestasi mereka yang dinilai semasa menjalani latihan industri.

*Generally, 88.2% of the students trained have been rated as an excellent and good. This shows that ILJTM students have a good prospect to be employed by employers after graduation. Overall, based on the evaluation performance during their practical training shows that a total of 2,422 ILJTM students have cooperated successfully with their respective employers.*

# KAJIAN PENILAIAN LATIHAN DAN PENGAJAR

STUDY ON EVALUATION OF ILJTM TRAINING & INSTRUCTORS

Kajian Penilaian Kursus dan Pengajar atau dahulunya dikenali sebagai Kajian Key Performance Indicator (KPI) merupakan aktiviti tahunan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Ibu Pejabat JTM. Tujuan kajian ini diadakan adalah untuk menilai tahap kepuasan pelajar terhadap objektif kursus yang diikuti, peningkatan pengetahuan dan kemahiran, program latihan, kemudahan yang disediakan dan kaedah penyampaian pengajar. Di samping itu juga, ia adalah sebagai sebahagian daripada tuntutan dalam prosedur MS ISO 9001:2008 iaitu sebagai salah satu kompenan aduan pelanggan. Satu Sistem Pengurusan Penilaian Latihan (SPePL) telah dibangunkan bagi memudahkan pelajar membuat penilaian terhadap pengajar dan program latihan yang dijalankan di institut berkaitan. Daripada hasil kajian yang dijalankan didapati peratusan pelanggan / responden yang berpuas hati dengan latihan yang diberikan oleh pengajar, kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi serta kemudahan yang disediakan oleh institut latihan adalah sebanyak 85% bagi sesi penilaian bulan Mac dan September 2017. Majoriti pelajar juga memberikan penilaian yang sangat baik iaitu 4.42 bagi sesi Mac 2017 dan 4.48 bagi sesi September 2017 kepada setiap pengajar yang mengajar mereka. Segala dapatan daripada kajian ini boleh digunakan oleh pengurusan tertinggi Jabatan untuk mengawal, memantau dan memperolehi gambaran prestasi setiap individu dalam menjamin kredibiliti dan meningkatkan kualiti latihan. Skala Penilaian adalah seperti berikut:

*This study on evaluation of ILJTM Training and Instructors was previously known as Key Performance Indicator which is conducted yearly by Division of Planning and Research in Headquarters, Man Power Department. The purpose of this survey is to evaluate the students' satisfaction on objective of the courses, the knowledge and skills enhancement, the facilities provided in the institution as well as the instructors' teaching delivery. Besides that, it is a part of MS ISO 9001:2008 requirement and functions as one of the component in customers' feedback. One system has been developed which is called as SPePL to provide students with a convenient system for them to evaluate the training and instructors in their particular institution.*

*From the results of a survey found the percentage of customers / respondents are satisfied with the training provided by the instructor, the skills and knowledge gained as well as the facilities provided by the training institute was 85.0% for the evaluation session in March and September 2017. The majority of students also provide an excellent assessment of 4.42 to 4.48 session in March and September 2017 session of the instructors who teach them all. All the findings from this study can be used by top management department to control, monitor and gain insight in the performance of each individual guarantee credibility and improve the quality of training.*



Carta 8: Perbandingan Pencapaian ILJTM dalam SPePL

# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA


HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

## KEDUDUKAN PERJAWATAN


### STAFFING

Sehingga Disember 2017, pengisian jawatan di JTM telah mencapai 90.2% iaitu sebanyak 3175 jawatan telah diisi daripada 3520 perjawatan. Maklumat peratus pengisian perjawatan di JTM bagi tahun 2017 dan pecahan jumlah pengisian mengikut Kumpulan Jawatan di JTM bagi tahun 2017 diringkaskan di dalam Jadual dan Carta di bawah.

Until December 2017, the emplacement in JTM was reached 90.2% by which 3175 out of 3520 positions were filled. The information of emplacement percentage in JTM for 2017 and total fraction of posts by JTM Group Designation in year 20167 are shown in Table and Chart below.



Jadual 10: Ringkasan Kedudukan Perjawatan JTM dan ILJTM 2017




Carta 9: Ringkasan Pecahan Data Perjawatan Tahun 2017

# PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS

## MANAGEMENT EXPENDITURE PERFORMANCE

Pada tahun 2017, peruntukan mengurus yang telah diluluskan adalah berjumlah RM294,055,800.00 untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti Jabatan dalam melahirkan tenaga mahir bagi keperluan industri. JTM telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM16,000,000.00 bagi pengambilan pelajar baharu untuk sesi 2/2017. Daripada jumlah tersebut, 100% adalah di bawah Dasar Sedia Ada dan peruntukan tambahan adalah sebanyak 5.44% daripada peruntukan asal yang diterima. Sehingga Disember 2017, Jabatan telah membelanjakan peruntukan sebanyak 96.71%.

In 2017, the Operational Budget allocation was RM294,055,800.00 that used to run activities for producing skill workers for industries. JTM had received additional RM16,000,000.00 for new intake of students session 2/2017. From the total allocation, 100% is under Existing Policy while the additional allocation is 5.44% from the original accepted allocation. JTM spent 96.71% of its allocation until December 2017.



Carta 10: Prestasi Perbelanjaan Mengurus Sepanjang tahun 2017

# LAPORAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICT)

## INFORMATION TECHNOLOGY REPORT

Penganjuran kali ke-3 bagi Seminar ICT JTM telah berlangsung pada 22 Mei 2017 dalam memastikan pelaksanaan ICT secara efektif di Institusi Latihan JTM (ILJTM) serta mewujudkan jaringan usaha sama di kalangan pengajar, pentadbir sistem dan penyelaras ICT di JTM. Dengan bertemakan "Go Green, Save \$\$\$", seminar ini turut disertai pempamer dari Canon, HPi, iPanel, SecureKi, BPM, Mavisco dan BitDefender.

Cawangan Teknologi Maklumat sentiasa memantau tahap pencapaian penggunaan sepenuhnya dalam memastikan penjanaan statistik maklumat sentiasa telus dan tepat dalam Training Management System (TMS). Modul-modul yang sentiasa dipantau adalah Modul Student, Modul Training, Modul Staff, Modul Library dan Modul Accomodation yang merupakan modul utama dimana tahap pencapaian kesemua modul tersebut adalah 100%.

*Manpower Department held their 3rd ICT Seminar on 22 May 2017 aiming at ensuring effective implementation of ICT in ILJTM and to establish a good network between trainers, system administrators and coordinator in the headquarters. With the theme of "Go Green, Save \$\$\$", the event was also participated by exhibitors from Canon, HPi, iPanel, SecureKi, BPM, Mavisco and BitDefender.*

*Information Technology Division constantly monitors the level of Training Management System (TMS) utilization in ensuring accurate statistics information generated. The modules that are constantly monitored are Student Module, Training Module, Staff Module, Library Module and Accommodation Module in which the achievement of all the modules is 100%.*

### STATISTIK PEMANTAUAN MAKLUMAT TRAINING MANAGEMENT SYSTEM (TMS) DI JTM



Carta 11: Statistik TMS JTM Tahun 2017

# PEMBANGUNAN **DEVELOPMENT**

PEMBANGUNAN DAN PENAMBAHBAIKAN infrastruktur dan peralatan ILJTM adalah faktor utama penyumbang kepada penjagaan kualiti latihan dan keluaran pelajar.

*DEVELOPMENT AND IMPROVEMENT of ILJTM's infrastructure and equipment is a major contributor to the quality of training and output.*

## PEMBANGUNAN FIZIKAL

### **PHYSICAL DEVELOPMENT**

JTM telah melaksanakan tiga aktiviti utama iaitu program perolehan peralatan ILJTM, pemuliharaan dan naiktaraf ILJTM serta projek penyelenggaraan dan pembaikan peralatan latihan ILJTM bagi tujuan peningkatan dan penambahbaikan kualiti latihan. Pada tahun 2017, peruntukan pembangunan yang telah diluluskan adalah berjumlah RM39,904,232.00 untuk melaksanakan projek-projek pembangunan jabatan dalam melahirkan tenaga mahir bagi keperluan industri. Perbelanjaan tahun 2017 adalah berjumlah RM39,693,191.08 (99.47%) merangkumi 47 projek yang terdiri daripada 7 Projek Perolehan Peralatan, 11 Projek Menaiktaraf dan Memulihara, 25 Projek tambahan (NOC), 2 Projek ILP Serian, 1 projek Penubuhan ILK Muadzam dan 1 projek ILP Segamat.


*JTM has carry out three mains activities which training acquition, equipment, ILJTM upgrading and refurbishment and maintenance of existing facilities for the purpose of training quality improvement. In 2017, approved development allocations amounted to RM39,904,232.00 to implement departmental development projects in producing skilled manpower for industrial purposes. Expenditure in 2017 amounted to RM39,693,191.08 (99.47%) comprising 47 projects comprising 7 Equipment Procurement Projects, 11 Upgrading and Conservation Projects, 25 Additional Projects (NOCs), 2 ILP Serian Projects, 1 project Establishment of ILK Muadzam and 1 ILP Segamat Project.*

## PENCAPAIAN BELANJA 2017, RP 2

Kos Keseluruhan 2017	RM 567,655,000.00
Peruntukan Diluluskan Tahun 2017	RM 74,450,000.00
Peruntukan Tahun 2017 ( Selepas Dipinda )	RM 39,904,232.00
Jumlah Projek Diluluskan 2017	47 projek
Projek Prolehan Peralatan	7 projek
Projek Menaiktaraf Dan Memulihara	11 projek
Projek Tambahan ( NOC )	25 projek
Projek ILP Serian	2 projek
Projek Penubuhan Ilp Muadzam	1 projek
Projek ILP Segamat	1 projek
Perbelanjaan 31 Disember 2017	RM 39,693,191.08 (99.47%)

Sumber Bahagian Pembangunan Kemahiran Jtm

Jaduan 11: Projek Pembangunan Yang Diluluskan Bagi Tahun 2017



## PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN TENAGA PENGAJAR

### *INSTRUCTORS SKILLS ENHANCEMENT PROGRAMME*

Bahagian Pembangunan Kemahiran (BPK), Jabatan Tenaga Manusia telah mengurus Program Pembangunan Kepakaran (Upskilling) Tenaga Pengajar TVET bertujuan untuk peningkatan kemahiran pengajar-pengajar ILJTM melalui pelaksanaan kursus-kursus teknikal. Sebanyak 94 kursus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 melibatkan seramai 1,112 orang peserta dalam usaha untuk memastikan peningkatan dan penambahbaikan kualiti latihan. Program ini diharapkan mampu untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tenaga pengajar dan seterusnya dapat meningkatkan lagi kualiti tenaga mahir yang dikeluarkan oleh ILJTM.

*Skill Development Division (BPK) under the Manpower Department has managed the Upskilling program for ILJTM instructors through the implementation of technical courses. A total of 94 courses were carried out throughout the year of 2017 involving 1,112 participants in an effort to ensure the upgrade and enhance of the quality of the training. This program is expected to improve the skills and knowledge of the instructors and upgrade the quality of skilled manpower produced by ILJTM.*

## PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT)

Pendaftaran PPT tahun 2017 adalah seramai 617 calon bagi 1,072 program khas VTO/VTE/VTM.  
*Registration of PPTs in 2017 is a total of 617 candidates for 1,072 programs.*

BIL. CALON	BIL. PROGRAM	TAHAP (SKM, DKM, DLKM)				
		1	2	3	4	5
617	1072	33	183	408	200	133

## ANALISA KEPERLUAN LATIHAN PENGAJAR ILJTM MELALUI SISTEM eProfiling TAHUN 2017

Bilangan ILJTM termasuk Ibu Pejabat dan Anjung Muadzam adalah sebanyak 34 buah institut dengan bilangan pengajar yang mendaftar dalam sistem eProfiling seramai 2229 orang. Senarai Semakan Abiliti (ACL) bidang yang telah ada dalam sistem eProfiling adalah 40 bidang vokasional / profesional dan 1 bidang pedagogi / sosial.

*The number of ILJTM including Head Quarter and Anjung Muadzam is 34 ILJTM with the number of instructors enrolling in the eProfiling system of 2,229 people. The Ability List (ACL) field of the existing eProfiling system is 40 vocational / professional fields and 1 pedagogy / social field.*

# PEMBANGUNAN KURIKULUM & PENTAULIAHAN

## CURRICULUM DEVELOPMENT & ACCREDITATION

Bermula tahun 2017, semua pelajar ILJTM telah mengikuti satu modul baharu iaitu eENTREPRENEURSHIP selama satu semester. Modul ini dibangunkan dengan kerjasama Malaysian Digital Economic Corporate (MDEC) di bawah program eUsahawan Muda yang mensasarkan kepada golongan belia di institusi TVET. Program ini diterajui oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak bertujuan membudayakan keusahawanan digital dalam kalangan belia dan rakyat untuk merancakkan ekonomi negara. Melalui modul ini, para pelajar telah mempelajari ilmu dan kemahiran untuk membangunkan perniagaan dalam talian dan juga teknik-teknik pemasaran berkesan melalui platform digital seperti laman web, media-media sosial seperti Facebook dan Instagram serta kaedah 'Close Sales' menerusi aplikasi WhatsApp. Selepas mengikuti modul eENTREPRENEURSHIP dan menjalankan perniagaan dalam talian, pada tahun 2017 para pelajar di JMTI, ADTEC dan ILP di ILJTM telah berjaya memperolehi jualan seperti berikut:

*All ILJTM's students are required to learn a new module, eENTREPRENEURSHIP for one semester starting from 2017. This module was developed with the help of Malaysian Digital Economic Corporate (MDEC) under Young eEntrepreneurship Program which targets youth in TVET institutions. eEntrepreneurship Program is led by our Prime Minister Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak to embark on digital entrepreneurship among the youth as well as to boost the nation economy. Students learnt how to start online business and effective marketing techniques through digital platforms such as websites, social media such as Facebook and Instagram and the 'Close Sales' method via WhatsApp applications. At the end of the semester, all ILJTM's students have successfully secured sales as follows:*

- **JMTI : RM 39,260.00**
- **ADTEC:RM 80,728.00**
- **ILP : RM 297,534.00**

Satu modul baharu bertajuk HAK PEKERJA juga telah dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Melalui modul ini para pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan seperti hak dan tanggungjawab pekerja dan majikan dalam pekerjaan, perkhidmatan yang ditawarkan oleh PERKESO dan KWSP serta asas perancangan kewangan semasa persaraan supaya pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan tersebut semasa bekerja. Latihan Train-the-Trainer (TTT) Modul Kursus Hak Pekerja untuk pengajar-pengajar ILJTM telah diadakan pada 22-25 Oktober 2017 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Seramai 64 pengajar ILJTM telah mengikuti program TTT tersebut. Manakala seramai 856 pelajar semester akhir di JMTI dan ADTEC juga telah mengikuti seminar Hak Pekerja pada November hingga Disember 2017.

*A new module titled LABOUR RIGHT was also developed in collaboration with the Labor Department (JTK), Social Security Organization (SOCSO) and Employees Provident Fund (EPF). Through this module, students will be exposed to the rights and responsibilities of employers and employees, services offered by SOCSO and EPF as well as the basis of retirement financial planning so that students can apply the knowledge during their employment in the future. Train-the-Trainer training (TTT) for Labour Rights module was conducted on 22 - 25 October 2017 at Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. A total of 64 ILJTM instructors had attended the TTT program. Meanwhile, a number of 856 final semester students at JMTI and ADTEC also attended the Workers' Rights seminar on November until December 2017.*

# PUBLISITI

## PUBLICITY

### PROGRAM PROMOSI & LATIHAN KEMAHIRAN


#### SKILL TRAINING & PROMOTION PROGRAM

Jabatan Tenaga Manusia melaksanakan pelbagai program promosi berkaitan pengambilan pelajar sepusat, pembelajaran sepanjang hayat dan kesedaran kepada golongan sasaran seperti belia lepasan sekolah, pekerja industri, kaunselor sekolah, pelajar sekolah, komuniti setempat, orang awam atau majikan syarikat dengan dibantu semua Unit Promosi/CESS ILJTM melalui beberapa pendekatan seperti berikut:

1. Mempromosikan latihan kemahiran sepenuh masa di ILJTM ke golongan sasar serta kaedah pengambilan setempat, juga melalui UPU.
2. Mempromosikan latihan kemahiran jangka pendek dan profesional bagi meningkatkan tahap kemahiran dan kerjaya kepada pekerja dan komuniti setempat.
3. Mempromosikan pelajar lepasan ILJTM kepada Industri dengan mengadakan siri lawatan ke industri dan syarikat berkaitan.
4. Mempromosikan Alumni bagi jaringan lepasan ILJTM dengan menyalurkan maklumat dan peluang kerjaya.
5. Memberi pendedahan kepada pelajar tahun akhir berhubung potensi diri, keusahawanan, peluang pekerjaan dan pembiayaan menerusi agensi KSM.
6. Memberi latihan pemasaran dan pendedahan kemahiran kepada jawatankuasa promosi ILJTM.

*Manpower Department implements various promotional programs focusing at students' intake, lifelong learning and awareness to target groups such as school leavers, industrial workers, school counselors, students, local communities, employers as well as public with the help of Promotion Unit/ CESS through the following approaches:*

1. Promoting ILJTM's full time skills training to target group and centralized admissions through UPU.
2. Promoting short-term skills training to enhance skills and career of employees and local community.
3. Promoting ILJTM's graduates by a series of industrial visit to respective companies.
4. Promoting ILJTM's alumni in order to channel the information, job opportunity, entrepreneurship and financing aids.
5. Exposing the final year students with their own potential, entrepreneurship, employment opportunity and financing aids by MOHR's agency.
6. Provide marketing training and skills exposure to ILJTM's promotion committee.



Carta 12: Pencapaian Promosi Bagi Tahun 2017





# KERJASAMA INDUSTRI 2017

## INDUSTRIAL COLLABORATION

JTM dan ILJTM terus memperkuatkan hubungan dengan pihak luar seperti syarikat-syarikat swasta, agensi/jabatan kerajaan, IPTA/IPTS serta organisasi-organisasi yang terdapat di Malaysia terutamanya dalam kerjasama latihan kemahiran dan pembangunan sumber manusia bagi memastikan hasrat kerajaan menghasilkan modal insan bertaraf dunia yang diperlukan Malaysia dalam fasa terakhir untuk menjadi negara maju pada 2020 akan tercapai. Bagi tahun 2017, sebanyak 53 MOU, 124 Kerjasama Pintar dan 21 Training cum Production telah dilaksanakan.

*JTM and ILJTM continue to strengthen relationships with external parties such as private companies, government agencies / departments, universities / colleges and organizations in Malaysia to ensure the government's aim to produce world-class human capital needed in the final phase of Malaysia becoming a developed country by 2020 can be achieved. For 2017, a total of 53 MOUs, 124 Smart Partnerships and 21 Training cum Production activities were carried out.*

### ► 53 MOU ► 124 Kerjasama Pintar ► 21 Training cum Production

BIL	SYARIKAT/AGENSI	ILJTM TERLIBAT	SKOP KERJASAMA
1	Composite Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. (CTRM)	ADTEC Taiping	Kerjasama Dalam Program Peneraju Skil Iltizam <i>Advanced Composites Manufacturing Technician</i>
2	Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera	ADTEC Taiping	Program Skill Iltizam <i>Advanced Composites Manufacturing Technician</i> Di ADTEC Taiping
3	Malaysia Air- Conditioning & Refrigeration Association (MACRA)	ILP Kepala Batas	Program Kerjasama Pembangunan Latihan Kemahiran dan Kebolehpasaran Graduan Bidang Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)
4	Daikin Malaysia Sdn Bhd	ILP Kepala Batas	Program Kerjasama Pembangunan dan Latihan Kemahiran Bagi Teknologi Refrigeran R32 Serta Sistem Penyamanan Udara di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)
5	Samsung Malaysia Electronics (SME)	ILP Pasir Gudang, ILP Kuala Lumpur & ILP Kota Kinabalu	<i>Establishment Of Samsung Tech Academy</i>
6	Limkokwing University of Creative Technology (LUCT)	Semua ILJTM	Cooperation in Academic Learning Programs, Skill Training and Human Resources Development in Technical and Vocational Education and Training (TVET)

Jadual 12-1: Memorandum Persefahaman (MOU) Yang Telah Ditandatangani Pada Tahun 2017

7	Universiti Teknikal Melaka (UTeM)	Semua ILJTM	Program Pembangunan Sumber Manusia dan Pembelajaran Akademik serta Latihan Kemahiran Secara Formal Dalam Pelbagai Bidang Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan
8	Perbadanan Hal Ehwal Angkatan Tentera (PERHEBAT)	Semua ILJTM	Program Kerjasama Latihan Program Latihan Kemahiran dan Pembangunan Sumber Manusia
9	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	ADTEC Shah Alam	Program Kerjasama Latihan Penyelenggaraan Kapal Udara di Antara ADTEC Shah Alam Dengan Pasukan Gerakan Udara
10	Yamatake Engineering (M) Sdn Bhd	ADTEC Kemaman	Program Kerjasama Latihan Persijilan Professional dalam Bidang Control Valve Operation and Maintenance di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kemaman, Terengganu
11	KWSP, PERKESO & JTKSM	Semua ILJTM	Kerjasama Program Latihan Bagi Pelaksanaan Modul Hak Pekerja
12	Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)	ILP MIRI & ILP Kota Kinabalu	Kerjasama Program Bantuan Teknikal Dan Latihan Vokasional PETRONAS di ILP Miri Dan ILP Kota Kinabalu
13	Gamuda Berhad	ADTEC Kemaman ADTEC Bintulu ILP Pedas ILP K. Samarahan ILP K. Kinabalu ILP K. Terengganu	Kerjasama Program Skil Iltizam Tunnel Crew, Erector Operator & Assistant Mechanics & Ibs Production Technician
14	Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	ADTEC Taiping ADTEC Batu Pahat ADTEC Melaka ADTEC Jerantut ADTEC Bintulu ILP Kepala Batas ILP Selandar ILP Marang ILP Kota Bharu ILP Sandakan	Kerjasama Projek Strategi Lautan Biru (BOS) Kampus Satelit Ciast (CSC) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)

Jadual 12-2: Memorandum Persefahaman (MOU) Yang Telah Ditandatangani Pada Tahun 2017



# Kerjasama Strategik Jabatan Tenaga Manusia bersama Gamuda Berhad dan Yayasan Peneraju

## JTM Smart Partnership with Gamuda Berhad and Yayasan Peneraju

Latihan berdasarkan kehendak industri melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan asas utama kerjasama Jabatan Tenaga Manusia dengan Gamuda Berhad dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera. Melalui kerjasama Program Skil Iltizam ini, graduan program tunnelling di 5 lokasi Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) akan terus ditawarkan pekerjaan sebagai Tunnel Crew, Erector Operator mahupun Assistant Mechanic, setelah menjalani latihan teori dan Latihan Industri (OJT) yang khusus selama 6 bulan. Latihan berdasarkan kemahiran ini, membuka peluang kepada 280 orang belia Malaysia untuk memiliki kemahiran yang diperlukan oleh syarikat Gamuda Berhad, dan seterusnya menjadi sebahagian daripada krew pembinaan Projek MRT di Malaysia.

Kerjasama strategik antara ketiga-tiga pihak ini juga membolehkan 200 orang belia tempatan mengikuti program Peneraju Skil Iltizam Juruteknik Pengeluaran Industrialised Building System (IBS) di ILP Kuala Terengganu. IBS atau lebih dikenali sebagai pembinaan pasang siap digunakan secara meluas di negara-negara maju kerana kaedah ini membolehkan komponen-komponen binaan dihasilkan di kilang dalam persekitaran terkawal dan dihantar ke tapak pembinaan untuk dipasang menjadi struktur dengan tenaga kerja yang minimum. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti bangunan dan kerja, mengurangkan penggunaan buruh asing di tapak projek serta mempercepatkan kerja pembinaan. Melalui program ini, peserta akan mengikuti latihan kemahiran serta OJT selama 5 bulan sebelum diambil sebagai pekerja IBS di Gamuda Berhad.

*The primary basis in collaboration between Manpower Department and Gamuda Berhad as well as Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera is execution of training program focusing on industry requirements through TVET. Through the collaborative program named 'Skil Iltizam', the graduates for tunneling program from 5 institutes (ILJTM) will be offered jobs as Tunnel Crew, Erector Operator and Assistant Mechanic after attending theoretical class and completing their on job training for 6 months. The skill-based training program opens up opportunities to 280 Malaysian youths to acquire the skills required by Gamuda Berhad and become part of the MRT Project's construction crew in Malaysia.*

*The strategic collaboration between the three parties also gives opportunity to 200 local youths to follow the IBS Production Technician program at ILP Kuala Terengganu. IBS is known as prefabricated construction whereby components are produced in controlled environments and delivered to sites to be assembled into construction work with minimal workforce. This can indirectly improve the quality of the building and work, reduce the use of foreign labour at the site and accelerate construction work. The participants in this program will follow skills training and OJT for 5 months before being employed at Gamuda Berhad.*

Penglibatan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera di dalam kerjasama ini membolehkan peserta mengikuti program ini secara percuma, selain diberikan eluan bulanan sepanjang latihan. Program-program TVET yang ditawarkan untuk tempoh 2018 hingga 2019 ini bukan sahaja membolehkan kemahiran spesifik kepada pekerjaan dapat dikuasai dalam tempoh yang singkat, malah ianya membolehkan mereka terlibat secara langsung dalam industri pembinaan di negara ini.

*The collaboration which involves Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera enables participants to join the program without any cost, even more they are given monthly allowances during the training. The programs offered for 2018 to 2019 will not only equips the participants with specific skills to work in a short period of time, but also qualify them to be involved in the construction industry in the country.*



Lawatan kerja Pegawai JTM ke GAMUDA IBS



Lawatan kerja Pegawai JTM HQ dan Institut ke Tunneling Training Academy

# EKSA

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) merupakan persijilan yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Pelaksanaan EKSA bertujuan untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif, dengan memberi penekanan terhadap imej korporat, budaya kreativiti dan inovasi, serta pembudayaan Amalan Hijau. EKSA juga memperkenalkan model penilaian dan pengauditan baharu yang merangkumi Kriteria Generik dan Kriteria Khusus dengan turut mengambil kira kepelbagaian premis agensi kerajaan, mengikut jenis-jenis perkhidmatan yang diberikan. Selain dari itu, perbezaan ketara pada persijilan EKSA berbanding kepada persijilan 5S sebelum ini adalah tempoh persijilannya (2 tahun) dan tahap pencapaian EKSA di sesuatu lokasi iaitu sama ada Baik atau Cemerlang dinyatakan pada Sijil EKSA yang diperolehi.

Pada tahun 2017, ILP Miri dan ILP Kuala Lumpur telah mengukir sejarah dengan Persijilan EKSA iaitu masing-masing diperolehi pada 1 Mac 2017 dan 1 November 2017. Kejayaan mereka sudah pasti tidak datang bergolek tanpa usaha yang gigih dari semua warga kerja. Pelbagai aktiviti EKSA telah dijalankan untuk mencapai kejayaan pensijilan ini termasuk pembangunan Buku Panduan Perlaksanaan EKSA, Buku Standard EKSA, pertandingan mencipta logo EKSA dan pertandingan Kreativiti dan Inovasi. Majlis Perlancaran EKSA oleh Pengarah institut yang disaksikan oleh semua warga, melambangkan permulaan komitmen pelaksanaan EKSA oleh semua warga kerja.

*Public Sector Conducive Ecosystem (EKSA) is a certification issued by the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning (MAMPU). The implementation of EKSA is aimed to create a conducive workplace environment, emphasizing on corporate image, inculcating creativity and innovative as part of work culture, and promoting recycling or Go Green as its practice. Compared to the Quality Environment in 5S, one of EKSA's distinctive features is its new auditing model which comprises Generic and Specific Criteria. Previously, the one-size-fits-all concept which had been used was found to be inadequate in catering to the needs of all agencies. Thus, the improved EKSA criteria is seen to be able to conform according to the locality of the agencies. Another distinctive feature of EKSA's certification is its longer validity period which is now two years; and also the performance level is displayed on the certificate; with either Good or Excellent.*

*March 1, and November 1, 2017 marks the dates on JTM's calendar when ILP Miri and ILP Kuala Lumpur were awarded with EKSA Certification. Their success factors were driven by co-operation among team members, aside from activities such as development of EKSA Implementation Handbook, EKSA Standard Booklet, EKSA logo competition and Creativity and Innovation competition.*

Bagi membolehkan setiap ahli mengambil bahagian secara aktif, ilmu dan latihan yang mencukupi perlu dibekalkan. Sehubungan dengan itu, penerapan EKSA kepada setiap warga dijalankan melalui taklimat/ ceramah pada setiap perjumpaan kakitangan mahupun pelatih, selain menganjurkan lawatan penandaarasan ke institusi yang telah mendapat persijilan EKSA. Pelaksanaan elemen EKSA telah menggalakkan aktiviti ke arah persekitaran yang selamat, bersih dan mesra alam melalui pembudayaan Go-Green dan aktiviti kreativiti dan inovasi seperti penggunaan bahan guna semula bahan latihan melalui inovasi untuk kegunaan warga. Penjualan kitar semula juga direkod di setiap peringkat zon dan amalan baik ini diteruskan sehingga kini.

Faktor kejayaan yang dikecapi adalah didorong oleh kesungguhan, keazaman, kesabaran dan semangat kerjasama yang telah diberikan oleh semua warga dalam melaksanakan EKSA. Ini adalah kerana institut mempunyai kawasan yang luas dan memenuhi kesemua kriteria EKSA bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai untuk tanpa kerjasama yang padu antara semua warga. Syabas dan Tahniah diucapkan kepada semua warga ILP Miri dan ILP Kuala Lumpur! Anda memang hebat!

#Respect

*Training has also been conducted occasionally; to ensure each team members is equipped with sufficient knowledge. The concept is shared through briefings, talks, as well as benchmarking visits to EKSA's certified institutions. This has enabled a safer, cleaner and more environmental friendly space through its Go-Green and innovative activities such re-using of training materials.*

*Since the institutions have an extensive area, fulfilling all of EKSA's criteria is not an easy task. However, it was made possible through determination, patience and spirit of co-operation by all team members. Congratulations ILP Miri and ILP Kuala Lumpur! Your efforts have paid off!*

#Respect



# CSR ILJTM 2017



